

Pelajar USIM kagum disiplin rakyat Jepun

SEREMBAN 9 Dis. - Misi Lawatan Intelek ke negara Jepun membugarkan satu pandangan ilmiah dalam kalangan pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) terutama dalam aspek disiplin diri dan pematuhan masa.

Menurut kenyataan universiti berkenaan, misi yang disertai 21 orang bekas ahli Majlis Perwakilan Pelajar USIM bersama seorang pensyarah pengiring mendapati, corak kehidupan rakyat Jepun tidak pernah 'tergelincir' dalam aspek masa, budaya hormat pemimpin dan peraturan lain.

"Tidak keterlaluan hendak dikatakan, sesuatu yang 'aneh' sekiranya terdapat individu yang melanggar disiplin dalam komuniti Jepun itu.

"Amalan beratur adalah satu budaya sama ada untuk menaiki teksi, membeli makanan dan tiket atau membuat bayaran barangan.

"Selain itu, pengguna jalan raya seperti pejalan kaki dan pemandu kenderaan, amat sulit untuk dilihat melanggar lampu isyarat dan peraturan jalan raya yang lain," kata kenyataan itu, memertik pelajar yang menyertai misi berkenaan.

Tambah mereka, sudah menjadi kebiasaan melihat rakyat Jepun berjalan laju, bahkan ada yang berlari demi mengejar masa untuk sampai ke satu-satu destinasi.

"Lebih daripada itu, rakyat Jepun sangat mengambil perhatian terhadap persoalan kebersihan sehingga sukar hendak melihat secebis sampah di sekitar bandar raya metropolitan Tokyo. Bahkan, pekerjaan sebagai pemungut sampah diletakkan nilai kemuliaan yang tinggi di mata masyarakat Jepun sehingga digelar 'Jurutera Kebersihan'," kata pelajar USIM itu.